

3 pemandu e-hailing dituduh seludup PATI

KUALA TERENGGANU: Tiga pemandu e-hailing dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu di sini semalam atas tuduhan menyeludup seramai 16 pendatang asing tanpa izin (PATI) pada Mei lalu.

Tertuduh, Choy Chee Kiow, 57, Wong Kok Siong, 48, dan Lee Seng Ping, 46, menganggu faham sebaik pertuduhan ke atas mereka dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Bagaimanapun tiada pengakuan bersalah direkodkan daripada ketiga-tiga tertuduh yang berasal daripada Negeri Sembilan dan Selangor itu.

Mengikut pertuduhan, tiga tertuduh itu didakwa menyeludup seramai 16 orang PATI warganegara Myanmar berumur 16 sehingga 35 tahun tanpa tiada dokumen pengenalan diri yang sah di dalam tiga buah kenderaan.

Kesalahan itu dikesan ketika ketiga-tiga tertuduh melalui sekatan jalan raya (SJR) di Kilometer (KM) 34.5 Jalan Kuala



TIGA pemandu e-hailing yang dituduh menyeludup seramai 16 PATI dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/TENGGU DANISH BAHRI TENGGU YUSOFF

Terengganu-Kelantan dekat Kampung Batu Rakit, 22 Mei lalu.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 26J Akta Anti Perdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670)

yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Prosiding pendakwaan diendalikan Timbalan Pendakwa Raya Amir Abu Bakar Abdullah.

Mahkamah bagaimanapun tidak menawarkan sebarang jaminan dan menetapkan 26 Jun ini untuk sebutan semula.